

# Umat Islam dinasihat tingkat kedudukan

BH 29 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Umat Islam perlu memberi tumpuan kepada perpaduan dan melupakan perbezaan fahaman politik dalam usaha meningkatkan kedudukannya yang masih jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang.

Sehubungan itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah berkata, umat Islam hendaklah menjadikan Aidilfitri untuk memperbaharui dan memperkukuhkan perpaduan sesama mereka.

Saifuddin berkata, dalam suasana Aidilfitri, umat Islam hendaklah mengeneipkan pegangan politik sempit yang boleh menyebabkan perpecahan dan mengubah sikap mementingkan diri sendiri.

“Umat Islam hendaklah memberi tumpuan kepada perpaduan dengan mengeneipkan fahaman politik sempit yang boleh menyebabkan umat Islam leka dengan perkara remeh-temeh,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas perutusan Aidilfitri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta umat Islam di negara ini melupakan perselisihan faham dan permusuhan antara mereka dalam agama dan politik, sekurang-kurangnya buat sehari pada Aidilfitri, menerusi amalan bersalam-salaman dan bermaaf-maafan sesama mereka.

Dr Mahathir juga mengajak mereka mengambil iktibar dan ingatan daripada maksud asal amalan bersalaman, iaitu supaya umat Islam kembali kepada ajaran yang menyuruh mereka bersaudara dan bersatu-padu.

Selain itu, Saifuddin juga berkata, amalan bermaaf-maafan hendaklah dilakukan dengan hati terbuka dan ikhlas serta meletakkan kepentingan agama lebih utama daripada kepentingan parti dan politik.

“Saya yakin saranan Perdana Menteri boleh dilaksanakan jika ia dilakukan dengan hati terbuka dan ikhlas,” katanya.

Justeru, beliau berharap tidak ada pihak yang cuba mempolitikkan kenyataan Dr Mahathir itu sebaliknya perlu melihatnya sebagai satu kenyataan dari seorang Perdana Menteri dan bukannya dari Presiden Umno.